

## **APAKAH MAKSUD DAN SYARAT PEMBERIAN WANG PENDAHULUAN PINJAMAN (WPP), PTPTN**

---

### **Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)**

Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) merupakan Inisiatif baharu oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang bermaksud pemberian wang pendahuluan berjumlah RM1,500.00 bagi persediaan pelajar sebelum mendaftar di IPT (KUIS).

Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) diperluaskan kepada pelajar tempatan B40 yang mengikuti pengajian peringkat DIPLOMA SEPENUH MASA di KUIS. Pemotongan sebanyak RM500.00 setiap semester daripada jumlah pinjaman PTPTN akan dilakukan secara automatik apabila pinjaman diluluskan.

### **Syarat-syarat Pemberian WPP**

- Pelajar telah membuat persetujuan menerima WPP  
***(Pelajar mohon Pinjaman PTPTN dan WPP serentak bermula 1 - 15hb November 2021 pada permohonan kelompok pertama diportal PTPTN [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my))***
- Pelajar iaitu pemohon merupakan Warganegara Malaysia sahaja.
- Ibu bapa / penjaga/ Pelajar adalah Penerima Bantuan Prihatin (BPN) – Kategori B40
- Pelajar ditawarkan pengajian bagi peringkat pengajian Diploma Sepenuh Masa sahaja.
- Pelajar membuat pendaftaran kemasukan KUIS **sebelum 4 DISEMBER 2021**

## **Panduan Memohon**

Sekiranya anda menghadapi masalah semasa memohon, sila lihat Manual ini untuk rujukan: <https://www.ptptn.gov.my/makluman-pinjaman-side/langkah-pendaftaran-permohonan-pinjaman>

## **PENERANGAN LANJUT**

### **Wang Pendahuluan Pinjaman RM1,500**

Apa pula yang dikatakan Wang Pendahuluan Pinjaman RM1500? Apa bezanya dengan pinjaman pendidikan PTPTN itu sendiri?

Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) RM1,500 ialah wang pendahuluan yang diberikan oleh pihak PTPTN kepada pelajar yang cukup syarat sebelum pendaftaran di IPT.

Tujuannya adalah untuk membantu para pelajar kurang berkemampuan membuat persiapan asas untuk menyambung pengajian mereka.

WPP berbeza daripada pinjaman pendidikan PTPTN itu sendiri.

Malah apabila pinjaman PTPTN telah diluluskan untuk pelajar, wang pinjaman pendidikan itu akan ditolak sebanyak RM500 setiap semester untuk membayar balik Wang Pendahuluan Pinjaman ini.

### **Syarat-syarat Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)**

Jadi, siapakah yang layak mendapat WPP? Adakah syarat kelayakannya sama dengan permohonan pinjaman PTPTN?

Jawapannya, **tidak**.

Pelajar atau penjaga pelajar yang layak menerimanya mestilah Penerima Bantuan Prihatin (BPN) – **kategori B40**.

Mereka juga perlu merupakan warganegara Malaysia yang mendapat tawaran belajar di peringkat pengajian **Diploma secara sepenuh** masa sahaja.

Oleh itu, mereka yang belajar secara separuh masa atau jarak jauh tidak layak memohon. Begitu juga mereka yang sudah sampai ke peringkat pengajian Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

### **Cara Membuat Permohonan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)**

Apabila pelajar telah menerima surat tawaran kemasukan ke IPT, pelajar boleh membuat permohonan PTPTN dan WPP serentak bermula 1 November sehingga 15 November 2021 sahaja di Portal PTPTN [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

Pelajar perlu memastikan pendaftaran kemasukan KUIS dibuat sebelum 4 Disember 2021 bagi melayakkan pelajar menerima WPP. Sekiranya pelajar tidak membuat pendaftaran sebelum 4 Disember 2021, pelajar tidak akan layak menerima WPP.

Dengan mengetahui syarat-syarat permohonan PTPTN dan Wang Pendahuluan Pinjaman RM1,500, maka bakal pelajar dapat membuat keputusan sewajarnya sebelum menyerahkan permohonan. Ini dapat membantu pelajar mendapatkan biaya pengajian yang mungkin sukar diperolehi daripada sumber yang lain.